

22/10/1999

300,000 hadiri sambutan ulang tahun BN

KUALA LUMPUR, Khamis - Lebih 300,000 penyokong Barisan Nasional (BN) dijangka memeriahkan lagi ulang tahun ke-25 BN yang disambut serentak di seluruh negara Ahad ini, seiring dengan upacara besar-besaran di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Dalam perutusan kata-kata aluannya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, yakin perhimpunan bertema 'Teguh Padu Ke Alaf Baru', itu mampu memantapkan lagi gandingan parti komponen BN.

Beliau berkata, falsafah perjuangan yang menekankan perpaduan perlu bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara serta mempertahankan martabat bangsa dan maruah negara untuk diwarisi generasi masa depan.

Katanya, masyarakat perlu diyakinkan mengenai kewibawaan kerajaan BN yang berpegang kepada amalan demokrasi berparlimen dengan mengutamakan kebebasan rakyat memilih pucuk pimpinan menerusi pilihan raya.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, pada satu sidang akhbar di sini hari ini, memaklumkan bahawa acara sambutan itu turut terbuka kepada orang awam dan pembabitan mereka dialu-alukan.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mewujudkan jalinan lebih akrab antara masyarakat dan tonggak pemerintahan negara selain mengambil peluang menjelaskan peranan dan sumbangan BN kepada negara selama ini.

Katanya, amanat Perdana Menteri yang akan menjadi acara kemuncak pada malam itu dijangka mengandungi mesej penting mengenai aspirasi BN dan harapan terhadap rakyat ketika mengorak langkah memasuki alaf baru.

(END)